

08/10/1999

Pas kutip RM10 daripada penyokong

DUNGUN, Khamis - Pas yang meramalkan pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh enam minggu dari sekarang, mengutip RM10 daripada setiap penyokongnya di kawasan tanah rancangan bagi membiayai jentera pilihan rayanya.

Sumber kewangan akan digunakan bagi meningkatkan keupayaan jentera pilihan raya parti, dalam usaha menawan beberapa negeri termasuk Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu.

Sambil menyifatkan sumbangan itu sebagai jihad, Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr Hassan Mohd Ali, berkata Pas terpaksa membuat strategi itu bagi menyaingi keupayaan Barisan Nasional (BN) dalam segenap segi.

Katanya, tumpuan diberikan kepada peserta tanah rancangan di seluruh negara kerana Pas mendapati taraf hidup masyarakat di kawasan berkenaan jauh merosot berbanding sebelum ini.

"Saya meramalkan Dr Mahathir akan membubarkan Parlimen dalam tempoh lima atau enam minggu dari sekarang dan oleh itu kita perlu bersiap sedia melakukan suatu pengorbanan.

"Tuan-tuan boleh melakukan pengorbanan itu dengan menghulurkan derma khas RM10 bagi setiap keluarga, tetapi adalah lebih baik jika jumlah itu dihulurkan oleh setiap individu.

"Wang itu tidak akan diselewengkan, sebaliknya digunakan secara maksimum untuk menumbangkan BN pimpinan Dr Mahathir," katanya ketika berceramah di Felde Jerangau, di sini malam tadi.

Dr Hassan mendakwa, kehidupan masyarakat yang tinggal di tanah rancangan kini semakin merosot, terutama yang membabitkan aspek keimanan dan pembangunan kemanusiaan.

"Semua ini disebabkan ketidakcekapan BN mentadbir negara kerana sebahagian besar pemimpinnya hanya mengutamakan pembangunan kebendaan dan membelakangkan pembangunan keimanan.

"Pemimpin BN bukan tidak sedar perkara ini, tetapi mereka sengaja tidak mahu rakyat menjadi umat Islam sejati. Kalau rakyat beriman, mereka pasti sedar bahawa kepemimpinan yang ada perlu ditolak," katanya.

(END)